



**Ucapan Perasmian Yang Berbahagia Dato' Dr Ir Johari Bin Basri  
Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

**SEMPENA 4TH NRG-SHE OSH CONFERENCE 2012**

Tarikh : 14 Mei 2012 (Isnin)

Tempat : Sunway Convention Centre Seberang Jaya Pulau Pinang

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Alhamdulillah, pada pagi ini sama-sama kita dapat berkumpul di Sunway Convention Centre bagi 4th NRG-SHE OSH Conference 2012. Saya amat berbesar hati dan berterima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan, kerana dapat bersama-sama memeriahkan program ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan sekalung tahniah dan terima kasih kepada pihak pengajur iaitu Persatuan Pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Wilayah Utara atau lebih dikenali dengan singkatan NRG-SHE di atas kesudian menjemput saya untuk menyempurnakan majlis yang penuh bermakna pada hari ini.
3. Sememangnya saya amat menghargai kesempatan seperti ini, kerana ia memberi peluang kepada saya bertemu dan bermesra dengan pengamal-pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan dari seluruh negara yang mempunyai matlamat yang sama ke arah keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih mampan bagi negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Saya difahamkan bahawa, ini merupakan persidangan kali keempat yang dianjurkan oleh NRG-SHE sepanjang empat tahun berturut-turut, dan telah menjadi platform kepada pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk meningkatkan pengetahuan dan maklumat terkini dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.
5. NRG-SHE sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan atau NGO telah banyak memainkan peranan membantu kerajaan bagi mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas kepada NRG-SHE yang telah mengambil langkah pro-aktif dengan menjadi rakan kongsi dalam Jawatankuasa Perlaksana “OSH Masterplan 2015”.

6. Di samping itu, saya dimaklumkan bahawa program-program yang dilaksanakan NRG-SHE adalah dengan bantuan geran daripada PERKESO. Bantuan ini telah memberikan impak yang baik di dalam usaha memperkasakan bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kebangsaan. Antara usaha yang dijalankan adalah penganjuran seminar-seminar OSH, safety audit, penerbitan handbook, poster OSH, billboard serta pembangunan video keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Tema persidangan pada kali ini adalah “OSH FOR SUSTAINABILITY”. “OSH FOR SUSTAINABILITY” ataupun Kelestarian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah satu strategi yang agak baru. Selari dengan tema World OSH Day 2012 iaitu ”Promoting safety and health in a green economy”, persidangan tahun adalah tepat untuk memastikan OSH isu adalah strategi langkah panjang untuk mana-mana organisasi. Diharap, melalui persidangan ini, para peserta boleh membawa idea-idea yang terbaru untuk diperkenalkan kepada majikan sebagai salah satu strategi didalam mengurus OSH ditempat kerja. Sememangnya, kerajaan memerlukan lebih banyak lagi penglibatan NGO secara langsung bagi menjayakan proses transformasi yang dicita-citakan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Pada masa kini, Kerajaan sedang berusaha keras untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Tumpuan diberikan kepada program-program seperti pelan Koridor Pembangunan Sabah (SDC), Pelan Transformasi Ekonomi (ETP), National Key Economic Area (NKEA) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Berbagai-bagai projek dalam bidang ekonomi seperti minyak, gas dan tenaga, pelancongan,

perladangan dan pertanian serta pembuatan hiliran dan infrastruktur sedang dan akan dilaksanakan untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat.

9. Oleh yang demikian, bagi menjayakan program dan projek yang dirancang ini, keperluan modal insan yang produktif, sihat, berkualiti dan berkeupayaan amat diperlukan. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk itu tidak boleh dipertikaikan lagi akan keperluannya dalam pelaksanaan setiap aktiviti pekerjaan oleh para majikan daripada setiap sektor dan industri di Negara ini. Persekitaran tempat kerja yang kondusif perlulah disediakan agar pekerja ini dapat menjalankan tugas dengan selesa, selamat dan sihat selain menjamin orang awam yang berada berhampiran dengan tempat kerja berkenaan dapat hidup dengan selamat, aman dan sejahtera.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Pekerja merupakan salah satu perkara asas kepada 4M iaitu *Man*, *Machine*, *Money* dan *Method*, mereka ini secara amnya dan khususnya petugas media merupakan aset negara yang amat bernilai dalam memberikan sumbangan tenaga dan juga pembangunan ekonomi negara. Jika berlaku kemalangan yang melibatkan para pekerja, sama ada kecederaan atau kematian akan menyebabkan kehilangan dan kerugian yang besar kepada negara. Berdasarkan data PERKESO, data dari tahun 2000 sehingga 2011 terdapat penurunan jumlah kemalangan yang dilaporkan sebanyak 35%. Hal ini dipandang serius oleh semua pihak. Di sini para media memainkan peranan penting dalam sama-sama membantu kerajaan dalam mempromosikan ‘Membudayakan ke arah keselamatan dan kesihatan pekerjaan’.
11. Berdasarkan kepada tujuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang-orang yang sedang

bekerja. Hal ini dapat di lihat apabila pelbagai garispanduan, tatamalan yang telah dibangunkan bagi memudahkan pekerja membuat rujukan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Oleh itu, saya menyeru para pengamal keselamatan dan kesihatan yang hadir untuk mengambil peluang ini bagi meningkatkan pemahaman, seterusnya merangka perlaksanaan yang lebih efektif.
13. Saya dimaklumkan seminar dua hari ini meliputi pembentangan kertas kerja yang merangkumi pelbagai aspek berkaitan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, termasuklah pembentangan oleh pengamal-pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan sendiri. Saya berharap agar perkongsian pengalaman dan idea yang bakal berlangsung akan memberi manfaat kepada semua peserta.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

14. Saya juga percaya kerjasama dan sokongan agensi-agensi kerajaan dalam menjayakan persidangan ini merupakan satu iltizam ke arah mengutamakan kepentingan dan kebajikan rakyat, khususnya golongan pekerja, selaras dengan misi dan visi Perdana Menteri kita yang dikasihi iaitu “1 Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.
15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya, merasmikan Persidangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kali keempat, anjuran NRG-SHE bagi 2012.

Sekian terima kasih.